

15/12/1997

MSC mutiara alam dagangan Malaysia

KORIDOR Raya Multimedia (MSC), boleh muncul sebagai sebutir mutiara yang bakal menyinari alam dagangan Malaysia pada tempoh 25 tahun akan datang, kata Jack Valenti, Pengerusi merangkap Ketua Eksekutif Motion Picture Association (MPA).

Valenti, yang melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dekat Sepang, kelmarin turut diberi taklimat oleh pegawai MDC mengenai perkembangan terbaru MSC serta mengadakan perbincangan dua hala.

Motion Picture Association of America (MPAA) dan rakan antarabangsanya, MPA, mewakili industri perfileman, video dan televisyen Amerika Syarikat.

Valenti turut memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mempunyai wawasan untuk mewujudkan MSC yang mampu meletakkan Malaysia di hadapan negara lain. - Bernama

(END)